

Pacia ke-3 di UMS

pertemu pembentang dari 10 negara

UB 27-6-13 B2

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

KOTA KINABALU: Persidangan Antarabangsa Persembahan Seni dan Industri Kreatif di Asia Ke-3 (Pacia) bermula dengan penyampaian tiga ucaptama berkaitan peranan institusi pengajian tinggi merangsang pembikinan filem, elemen kepelbagaian budaya dalam penghasilan filem serta tarian adaptasi ritual tradisi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata persidangan 26-28 Jun yang dianjurkan Sekolah Pengajian Seni (SPS), UMS itu telah menerima penyertaan yang amat menggalakkan iaitu 150 pembentang kertas kerja dari 10 buah negara luar di samping 15 intitusi pengajian tinggi di Malaysia.

“Sayaberharappersidangan ini dapat memberikan ruangan untuk perbincangan

antara ahli akademik dan penggerak industri demi merintis hala baru pembangunan penghasilan karya,” katanya.

Ucaptama pertama berkaitan peranan institusi pengajian tinggi merangsang penghasilan filem disampaikan Prof Dr Hatta Azad Khan dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), kedua oleh Prof Dr Tan Sooi Beng dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengupas mengenai elemen kepelbagaian budaya dalam penghasilan filem manakala ketiga, Aida Redza penggerak industri persembahan di Pulau Pinang yang mengupas tentang tarian adaptasi daripada ritual tradisi.

Siri ucaptama dimoderatorkan oleh Dekan SPS, UMS Prof Madya Abdul Jamal Abdul Hamid.

Majlis perasmian persidangan ini dijadual disempurnakan Menteri



PROF Dr Hatta Azad Khan ketika menyampaikan ucaptama.



SEBAHAGIAN peserta ketika mengikuti penyampaian ucaptama.

Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun malam ini (27 Jun) di Grand Borneo Hotel iBorneo.

Antara pembentang kertas kerja dalam persidangan selama dua hari itu termasuklah dari pelbagai institusi pengajian tinggi di Iran, Turki, Macau China, New Delhi India, Taiwan, Tasmania Australia, Korea Selatan, Nigeria, Taipei, Newcastle Australia, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Pembentangan dijalankan dengan menggabungkan element teoritik dan praktikal dengan menampilkan pelbagai sedutan audio-visual bagi hasil karya berkaitan.



DARI kiri; Aida, Tan, Hatta dan Jamal ketika sesi soal jawab.